

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI  
(PADANG SERAI)**

**TARIKH : 5 OGOS 2020**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memberi penjelasan terhadap tindakan Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu yang acap kali mengkritik agama lain terutamanya agama Hindu. Seseorang yang telah memeluk agama Islam yang suci sepenuh hati tidak akan menghina agama lain. Ini mencerminkan keperibadian beliau yang belum mendalami Islam sepenuhnya. Mengapakah Kerajaan masih teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas orang yang kurang siuman seperti ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah membuka tiga (3) kertas siasatan berhubung dengan kes Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu. Kes disiasat di bawah kesalahan berikut:

- i. Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 berhubung kesalahan menghasut;
- ii. Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu mengenai perlakuan menulis, bercakap, mempromosi, membantu, menganjur, mengatur dan sebagainya apa-apa aktiviti yang menyebabkan atau boleh menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan keharmonian atau perpaduan di atas alasan agama;
- iii. Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan; dan
- iv. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan mengenai kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain.

Siasatan telah lengkap dijalankan dan dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan dan nasihat.